

INSTRUMEN SISTEM KEPERCAYAAN TIDAK RASIONAL DALAM
KALANGAN MAHASISWA DI UNIVERSITI AWAM

MOHD NUR AL SUFI BIN ROMELE

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahkan Ijazah
Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2016

DEDIKASI

Dengan nama Allah S.W.T. yang maha pemurah lagi maha mengasihani.
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T tuhan seluruh alam.
Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Berkat perjuangan
baginda saya mendapat taufik dan hidayah

Buat ibuku,

Che Raiah Binti Che Yahya

Semoga setiap apa yang saya lakukan sentiasa dalam doa dan restu daripada mu.

Isteri ku, Seri Athirah Binti Aziz

Terima kasih atas segalanya

Kakak dan adik-adik ku

Sentiasa doakan daku

Buat teman-teman seperjuangan

Segala pertolongan , bantuan dan keikhlasanmu tidak
termampu saya balas. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mampu menguniakan ganjaran
atas pertolonganmu. Dialah yang maha Berkuasa Atas Segalanya .

Semoga Allah S.W.T. permudahkan setiap urusan saya.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T. Yang Maha Pengasih Dan Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T. dan salam atas Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan sahabatnya. Dengan Taufik Dan HidayahNya dapatlah penyelidik menyempurnakan kajian ini.

Di kesempatan ini, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof.Madya. Dr. Syed Mohamed Shafeq bin Syed Mansor Alhabshi selaku penyelia kajian ini yang begitu berdedikasi memberi ilmu, tunjuk ajar, nasihat dan buah fikiran yang sangat bermafaat sepanjang menyempurnakan tesis kajian ini. Di samping itu juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada penilai-penilai yang sudi meluangkan masa bagi menilai tesis kajian ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada buah hati saya iaitu ibu saya kerana sentiasa memberi semangat dan dorongan kepada anak mu ini serta segala pergorbanan kamu amat saya hargai dan akan membalasnya.Begitu juga dengan isteri saya yang banyak membantu saya dalam memberi sokongan dan bantuan sepanjang saya menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, salam penghargaan buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses penghasilan tesis kajian ini. Wassalam.

Sekian, terima kasih

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina instrumen pengesanan sistem kepercayaan dalam kalangan mahasiswa universiti. Konstruk bagi instrumen ini adalah nilai, pengalaman, pendidikan dan status sosioekonomi. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah reka bentuk penerokaan bersusun yang menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif secara berperingkat. Bagi kajian kualitatif seramai 24 orang responden dipilih dalam kumpulan fokus berdasarkan temubual separa struktur. Manakala kajian kuantitatif pula melibatkan 240 responden dalam kajian yang sebenar. Kesemua responden ini dipilih secara rawak berkelompok dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengambil bidang sains tulen, sains sosial dan sains kejuruteraan di Universiti Awam Malaysia. Data kualitatif yang dikumpul dianalisis melalui analisis kandungan menggunakan perisian Nvivo dan data kuantitatif yang dikumpul dianalisis melalui model pengukuran Rasch menggunakan perisian Winstep Versi 3.69.1.11. Hasil kajian awal menunjukkan 81 item telah dikenalpasti dan setelah dinilai secara teliti sebanyak 36 item yang digunakan. Indeks kebolehppercayaan responden bagi kajian rintis terhadap instrumen pengesanan sistem kepercayaan adalah 0.83, manakala indeks kebolehppercayaan item adalah 0.98. Pengasingan bagi responden adalah 5.20 dan pengasingan bagi item adalah 6.36. Kemudian analisis sebenar dijalankan dengan dapatan analisis indeks kebolehppercayaan responden adalah 0.84, manakala indeks kebolehppercayaan item adalah 0.99. Pengasingan bagi responden adalah 6.30 dan pengasingan bagi item adalah 8.85. Alpha cronbach menunjukkan nilai kebolehppercayaan sebanyak 0.87. Nilai infit MNSQ lingkungan 0.89 hingga 1.20 dan nilai outfit MNSQ dalam lingkungan 0.88 hingga 1.28 menunjukkan kesesuaian instrumen dalam pengukuran. Analisis kajian sebenarnya menunjukkan bahawa *variance explained by measures (%)* menunjukkan instrumen mempunyai nilai 57.0 dan nilai *unexplained variance in 1st contrast* bagi keseluruhan item adalah 2.3% (sangat baik). Nilai *Differential Item Functioning* bagi jantungina adalah tidak signifikan, menunjukkan item ini boleh digunakan oleh semua jantungina. Kajian ini telah menemukan konstruk yang baharu dalam pengukuran system kepercayaan iaitu nilai, pengalaman, pendidikan dan sosioekonomi status dan boleh diaplikasikan sebagai instrumen pengesanan sistem kepercayaan untuk membantu kaunselor dan klien mengenali sistem kepercayaan yang tidak rasional.

ABSTRACT

The purpose of this study is to develop a Belief System Detector Instrument among university students. The constructs of this study were values, experiences, education and socioeconomic status. The research design used in this study was exploratory sequential design by using qualitative and quantitative methods. In qualitative study, there were 24 selected respondents in focus groups based on semi structural interviews while the quantitative study involved 240 respondents in the actual survey. All respondents were selected among university students who are in pure, social and engineering sciences in Malaysia. The collected qualitative data went through content analysis using NVivo software, while quantitative data were analysed through Rasch Model using Winstep Software Version 3.69.1.11. Preliminary results showed that 81 items were identified and after the evaluation, 36 items were used. The respondents' reliability index for the pilot study was 0.83, while the item reliability index was 0.98. The separation of respondents was 5.20 and the separation of the items was 6.36. Then the actual analysis was conducted with the findings of respondents' reliability index analysis was 0.84, while the item reliability index was 0.99. The separation of respondents was 6.30 and the separation of items was 8.85. A value of Cronbach Alpha showed the reliability of item was 0.87. The Infit MNSQ value ranged between 0.89 to 1.20 and the outfit MNSQ was in the range of 0.88 to 1.28, showing the suitability of the measuring instrument. The actual analysis showed the variance explained by measures (%) indicated that the instrument has a value of 57.0 and the unexplained variance in 1st contrast for all items was 2.3% (very good). Differential Item Functioning values for genders was not significant, indicating that this item can be used by all genders. This study discovered a few new constructs in measuring belief system, which are value, experience, education and socioeconomic status. It can be applied into the Belief System Detector Instrument that can be used to help counsellors and students in identifying irrational belief system.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
PENGAKUAN		ii
DEDIKASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
ISI KANDUNGAN		vii
SENARAI RAJAH		xiii
SENARAI JADUAL		xiv
SENARAI LAMPIRAN		xvi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Kerangka Konsep	11
	1.7 Kerangka Operasional Kajian Pembinaan & Pengesahan Instrumen	13
	1.8 Kepentingan Kajian	17
	1.8.1 Penyelidik Psikologi	17
	1.8.2 Kaunselor	18
	1.8.3 Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Swasta	18
	1.8.4 Mahasiswa	18
	1.9 Limitasi Kajian	19

1.9.1	Pensampelan	19
1.9.2	Metodologi Kajian	20
1.10	Definisi Operasional	21
1.10.1	Instrumen	21
1.10.2	Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	21
1.10.2.1	Nilai	22
1.10.2.2	Pengalaman	22
1.10.2.3	Pendidikan	23
1.10.2.4	Sosioekonomi Status	23
1.10.3	Mahasiswa	24
1.10.4	Tekanan Akademik	24
2	SOROTAN KAJIAN	25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Teori-Teori Kognitif	26
2.2.1	Teori Pengaktifan Kognitif terhadap Tekanan	27
2.2.2	Teori Kognitif Beck	30
2.2.2.1	Hierarki Organisasi Pemikiran	33
2.2.2.2	Pembentukan Model Kognitif	34
2.2.3	Teori Rasional Emotif Tingkahlaku Ellis	36
2.3	Model Pembinaan Instrumen	42
2.3.1	Model Pembinaan Instrumen Brown (1983)	42
2.3.2	Model Pembinaan Instrumen Cohen dan Swerdlik (2002)	43
2.3.3	Model Pembinaan Instrumen Mcintire dan Miller (2007)	44
2.4	Teori Analisis Instrumen	46
2.4.1	Teori Ujian Klasik	47
2.4.2	Teori Respon Item	49
2.4.3	Model Rasch	50
2.4.3.1	Syarat Asas Model Rasch	51

2.4.3.2 Konsep Model Rasch	52
2.5 Pembinaan Instrumen Pengesanan Sistem Kepercayaan	54
2.5.1 Kesahan	55
2.5.1.1 Kesahan Muka	55
2.5.1.2 Kesahan Kandungan	56
2.5.1.3 Kesahan Konstruk	57
2.5.2 Kebolehpercayaan	57
2.6 Kajian-Kajian Lepas	59
2.7 Kesimpulan	63
3 METODOLOGI KAJIAN	65
3.1 Pengenalan	65
3.2 Reka Bentuk Kajian	66
3.2.1 Fasa 1 – Proses Pembinaan Item melalui Pendekatan Kualitatif	67
3.2.1.1 Mengenalpasti Dan Mendefinisikan Konstruk	67
3.2.1.2 Membangunkan Jadual Spesifikasi Instrumen	68
3.2.1.3 Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	73
3.2.1.4 Kebolehpercayaan Item melalui Analisis Fleiss Kappa	74
3.2.1.5 Membaiki Kelemahan Item dan Menyediakan Item untuk Kajian Rintis	75
3.2.2 Fasa 2 - Proses Kajian Rintis	78
3.2.2.1 Penyediaan Instrumen Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	78
3.2.2.2 Menjalankan Kajian Rintis	79
3.2.2.3 Analisis Data Menggunakan Aplikasi Model Pengukuran Rasch	79
3.2.3 Fasa 3 – Pengesahan Instrumen	81
3.2.3.1 Penyediaan Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional bagi Kajian Sebenar	81

3.2.3.2 Menjalankan Kajian Sebenar dan Mengutip Data	82
3.2.3.3 Analisis Data Menggunakan Aplikasi Model Pengukuran Rasch	82
3.2.3.4 Pengesahan Konstruk Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	83
3.3 Prosedur Kajian	83
3.4 Populasi Dan Sampel Kajian	85
3.4.1 Fasa Pertama	85
3.4.2 Fasa Kedua	86
3.4.3 Fasa Ketiga	87
3.5 Instrumen Kajian	89
3.5.1 Pembentukan Konstruk	90
3.5.2 Instrumen Bagi Kajian Rintis	91
3.5.3 Instrumen bagi Kajian Sebenar	95
3.6 Penganalisaan Data Kajian	95
3.6.1 Analisis Data Kualitatif	96
3.6.2 Analisis Data Kuantitatif	99
3.7 Rumusan	100
4 PEMBINAAN INSTRUMEN PENGESANAN SISTEM KEPERCAYAAN DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI AWAM	102
4.1 Pengenalan	102
4.2 Fasa 1: Pengumpulan Data (Kualitatif)	102
4.2.1 Analisis Temu Bual Kumpulan Fokus	103
4.2.2 Pembentukan Definisi Konstruk	105
4.2.3 Pembentukan Item	106
4.2.4 Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan (Analisis Fleiss Kappa)	120
4.3 Fasa 2: Pembinaan Instrumen (Rintis)	128

4.3.1 Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item dan Responden	128
4.3.2 Mengesan Polariti Item melalui Nilai PTMEA CORR	135
4.3.3 Mengesan Kesesuaian Item Mengukur Konstruk	136
4.3.4 Mengesan Item Mengukur Konstruk Tunggal atau Unidimensi	137
4.3.5 Mengesan Differential Item Functioning (DIF) Berdasarkan Jantina	138
4.3.6 Rumusan Kajian Rintis Instrumen	139
4.4 Pengesahan Instrumen (Kajian Sebenar)	139
4.4.1 Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item Responden	139
4.4.2 Mengesan Polariti Item melalui Nilai PTMEA CORR	146
4.4.3 Mengesan Kesesuaian Item Mengukur Konstruk	147
4.4.4 Mengesan Item Mengukur Konstruk Tunggal atau Unidimensi	148
4.4.5 Mengesan <i>Differential Item Functioning (DIF)</i> Berdasarkan Jantina	149
4.4.6 Rumusan Kajian Sebenar Pengesahan Instrumen	150
5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	151
5.1 Pengenalan	151
5.2 Rumusan Kajian	152
5.2.1 Dapatan Kualitatif	152
5.2.2 Dapatan Kuantitatif	153
5.2.2.1 Kebolehpercayaan	153
5.2.2.2 Kesesuaian Item (Item Fit) dan Polariti Item	154
5.2.2.3 Unidimensi	155
5.2.2.4 Differential Item Functioning	155
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	156
5.3.1 Pembentukan Instrumen dan Konstruk	156

5.3.2 Kebolehpercayaan Item dan Responden	158
5.3.3 Indeks Pengasingan Item dan Responden	158
5.3.4 Kesesuaian Item (Item Fit) bagi Instrumen Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	159
5.3.5 Unidimensi bagi Instrumen Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	160
5.3.6 Kebezaan Kefungsian Item (Differential Item Functioning) bagi Instrumen Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	161
5.4 Implikasi dan Cadangan	162
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	165
5.6 Kesimpulan	167
RUJUKAN	168
Lampiran A-E	186-197

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Adaptasi Proses Pembentukan Tekanan Ellis (1994)	5
1.2	Model Sistem Kepercayaan	12
1.3	Kerangka Operasional Kajian Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Pengesahan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	16
2.1	Adaptasi Model Kognitif DeRubeis, Tang, & Beck (2001)	35
2.2	Adaptasi daripada Terapi Rasional Emotif Tingkahlaku Ellis (1994)	39
2.3	Model Pembinaan Ujian Brown (1983)	43
2.4	Model Pembinaan Ujian Cohen & Swerdlik (2002)	44
2.5	Model Pembinaan Instrumen McIntire & Miller (2007)	45
2.6	Lengkuk Karakter Item	50
3.1	Kerangka Rekabentuk Kajian	69
3.2	Fasa Kaedah Analisis Tema	97

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perbandingan Aktiviti bagi Tiga Model Pembinaan Ujian	46
2.2	Prosedur Anggaran Kebolehpercayaan	58
3.1	Jadual Spesifikasi Instrumen	69
3.2	Jadual Skala Pengesahan Pakar	72
3.3	Senarai Panel Pakar Tahap Persetujuan Terhadap Konstruk dan Item	72
3.4	Skala Persetujuan Kappa	73
3.5	Jadual Semak Item	74
3.6	Nilai Diagnosis Analisis Pengukuran Model Rasch	79
3.7	Pemilihan Skala	79
3.8	Jadual Sampel Kajian Mengikut Fasa	84
3.9	Jadual Kumpulan Fokus	85
3.10	Sampel Kajian Rintis	85
3.11	Senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia	86
3.12	Senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia Mengikut Zon	87
3.13	Jadual Responden Bagi Kajian Sebenar	87
3.14	Cadangan Pemilihan Saiz Sample	88
3.15	Contoh Sistem Kod Data Temubual	97
3.16	Analisis Statistik Kajian	100
4.1	Konstruk Kajian	103
4.2	Maklumat Diri Responden Yang Ditemubual	104
4.3	Kod Responden	105
4.4	Kod Konstruk dan Item	105
4.5	Dapatan Bagi Konstruk Nilai Melalui Temubual	106
4.6	Dapatan Bagi Konstruk Pengalaman Melalui Temubual	111

4.7	Dapatan Bagi Konstruk Pendidikan Melalui Temubual	115
4.8	Dapatan Bagi Konstruk Sosioekonomi Status Melalui Temubual	118
4.9	Senarai Panel Pakar Tahap Persetujuan Terhadap Konstruk dan Item	119
4.10	Item Yang Mengukur Konstruk Nilai	120
4.11	Item Yang Mengukur Konstruk Pengalaman	121
4.12	Item Yang Mengukur Konstruk Pendidikan	123
4.13	Item Yang Mengukur Konstruk Sosioekonomi Status	125
4.14	Piawai Tahap Persetujuan Fleiss Kappa	126
4.15	Pengiraan Fleiss Kappa Persetujuan Antara Pakar	126
4.16	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Responden Keseluruhan	128
4.17	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item Keseluruhan	129
4.18	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Nilai	130
4.19	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Pengalaman	131
4.20	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Pendidikan	132
4.21	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Sosioekonomi Status	133
4.22	Pengukuran Item	134
4.23	Kesesuaian Item Mengukur Konstruk	135
4.24	Jadual pengukuran Konstruk Tunggal (Unidimensi)	136
4.25	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Responden Keseluruhan	139
4.26	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item Keseluruhan	140
4.27	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Nilai	141
4.28	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Pengalaman	142
4.29	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Pendidikan	143
4.30	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi Konstruk Sosioekonomi Status	144
4.31	Pengukuran Item	145
4.32	Kesesuaian Item Mengukur Konstruk	146
4.33	Jadual pengukuran Konstruk Tunggal (Unidimensi)	147

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Protokol Temu Bual	185
B	Kefungsian Keberbezaan Item Berdasarkan Jantina	186
C	Inventori Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional	189
D	Manual Instrumen Sistem Kepercayaan	193
E	Pengesahan Pakar	197

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi merupakan aset bagi negara yang sedang berkembang. Mahasiswa menempuh pelbagai cabaran semasa khususnya dalam pembelajaran akademik mereka. Mahasiswa sering terdedah dengan masalah tekanan akademik yang akan mengganggu mereka dalam mencapai keputusan cemerlang (Alzaem, Azhar, Sulaiman, & Gillani, 2010). Oleh itu, proses kaunseling merupakan tidak rasional satu kaedah yang digunapakai dalam menyelesaikan masalah ini (Alzaem et al, 2010).

Dalam proses kaunseling, kaedah diagnosis yang terbaik adalah mengenalpasti sistem kepercayaan tidak rasional yang menyebabkan pelajar tersebut menjadi tekanan (Beck, 2005). Bagi membantu pelajar menangani masalah tekanan akademik, kaunselor perlu menilai sistem kepercayaan tidak rasional dengan tepat bagi membantu pelajar tersebut mendapat membetulkan sistem kepercayaan tidak rasional, seterusnya mengubah sistem kepercayaan tersebut menjadi rasional dan dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh pelajar tersebut (Kuyken, Kurzer, Derubeis, Beck, & Brown, 2001; Ellis, 1994). Namun begitu, jika seseorang kaunselor itu mempunyai sistem

kepercayaan yang tidak tepat dan tidak rasional. Perkara ini menyebabkan kaunselor lebih cenderung mendiagnosis dan memberi saranan kepada klien berdasarkan sistem kepercayaan kaunselor itu sendiri (Blackburn & Davidson, 1995, 1996). Proses kaunseling tidak dapat dijalankan dengan lancar dan mungkin akan menyebabkan masalah klien menjadi semakin teruk dan membarah (Marof, 2001).

Sistem kepercayaan merupakan suatu elemen kognitif yang wujud dalam diri manusia (Robinson & Clore, 2002). Sistem kepercayaan merupakan medium tengah bagi penyebab kecelaruan emosi khususnya masalahtekanan (Eriksen, Murison, Pensaard, & Ursin, 2005; Ursin & Eriksen, 2004, 2010). Sistem kepercayaan tidak rasional merupakan asas utama yang menyebabkan tekanan akademik (Chan, 2002; Mcdermut & Waga, 2003; Cook & Peterson, 2000).

Kajian berkenaan sistem kepercayaan amat pesat berkembang di luar negara(Beck et al., 2001; Bhar, Beck, & Butler, 2012; Canel-Cinarbas, Cui, & Lauridsen, 2011; Willem Kuyken et al., 2001; Wenzel, Sharp, Brown, Greenberg, & Beck, 2006), namun di Malaysia, kajian yang memfokuskan berkenaan sistem kepercayaan adalah hampir tiada. Begitu juga instrumen yang digunakan bagi mengukur dan mengesan sistem kepercayaan tidak rasional bagi membantuindividu dalam menyelesaikan masalah tekanan adalah amat kurang dan memerlukan kajian yang terbaru dari masa ke semasa (Beck et al., 2001; Bhar, Beck, & Butler, 2012; Canel-Cinarbas, Cui, & Lauridsen, 2011; Willem Kuyken et al., 2001; Wenzel, Sharp, Brown, Greenberg, & Beck, 2006). Kajian kajian lepas, menunjukkan keperluan bagi wujudnya instrumen mengesan sistem kepercayaan amatlah perlu semasa mendiagnosis sesuatu masalah(Beck et al., 2001; Bhar et al., 2012; Canel-Cinarbas et al., 2011; Willem Kuyken et al., 2001; Wenzel et al., 2006).

Kebanyakan instrumen yang mengukur sistem kepercayaan yang tidak rasional adalah masih kurang tepat (Alzaeem et al, 2010) kerana dua sebab iaitu item pengukuran kognitif bercampuran dengan item emosi dan hanya mengambil teori yang diasaskan oleh Ellis (1967) yang sebelumnya tidak dilakukan kajian secara emperikal. Pengukuran

sistem kepercayaan perlulah dimodifikasikan supaya item kognitif tidak bercampur dengan item emosi, membezakan pengukuran proses kepercayaan dan bentuk kepercayaan dan menjelaskan berkenaan sistem kepercayaan yang rasional dan tidak rasional (Linder, Kirkby, Wertheim, & Birch, 1999). Hal ini menunjukkan bahawa kajian berkenaan pengukuran kognitif di luar negara sedang berkembang dengan pesat (Bernard, 1998), namun kajian berkenaan pengukuran kognitif hampir tiada di Malaysia.

Kajian ini adalah membina instrumen pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional terhadap mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Dalam Bab 1, pengkaji membahaskan berkenaan latar belakang dan pernyataan masalah bagi kajian ini. Seterusnya pengkaji mengeluarkan persoalan dan objektif kajian bagi menjelaskan berkenaan kajian dijalankan. Bagi meneliti setiap aspek dalam kajian ini, pengkaji membentuk kerangka konsep dan mendefisikan setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini.


1.2 Latar Belakang Masalah

Setiap orang mempunyai sistem kepercayaan yang dibentuk oleh agama, budaya, latar belakang, pengalaman hidup dan sosioekonomi (Andrews, 2005). Kebanyakan sistem kepercayaan yang wujud adalah tepat dan rasional, namun terdapat juga sistem yang tidak tepat dan rasional. Sistem kepercayaan yang tidak tepat dan rasional ini, membawa suatu pemikiran, emosi dan tindakan yang negatif (Ellis dan Bernard, 1985). Pemikiran, emosi dan tindakan negatif ini akan membawa masalahtekanan (Deardorff, Gonzales & Sandler, 2003).Kajian juga menunjukkan bahawa masalah tekanan akademik adalah kebanyakannya berlaku dalam kalangan mahasiswa berbanding sekolah rendah dan sekolah menengah (Alzaeem et al, 2010).Hal ini disokong dengan kajian Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md. Yunus, Ramlah Hamzah, Rosini Abu,

Rohani Ahmad Tarmizi, Sharifah Md. Nor, Kamariah Abu Bakar, Habsah Ismail(2008) yang menyatakan tekanan akademik dalam kalangan mahasiswa universiti semakin meningkat. Tekanan akademik yang berlaku dalam kalangan mahasiswa ini adalah disebabkan oleh pengurusan emosi dan tingkah laku yang tak stabil. Pengurusan emosi dan tingkahlaku tak stabil berlaku apabila mahasiswa mempunyai masalah kognitif yang disebabkan oleh sistem kepercayaan tidak rasional(Bhar et al., 2012; Bhar, Brown, & Beck., 2008).

Kognitif merupakan komponen yang saling berkait dengan komponen emosi dan tingkah laku (Fiske, 1993). Sebarang perubahan yang melibatkan komponen kognitif akan menyebabkan perubahan emosi dan tingkah laku (Lazarus, 1991; Smith & Lazarus, 1993). Sistem kepercayaan adalah suatu bentuk komponen kognitif (David et al., 2002). Hal ini menyebabkan sebarang permasalahan dan kecelaruan emosi serta tingkah laku boleh dikenalpasti dengan mengesan sistem kepercayaan seseorang (LeDoux, 1996; Ellis, 1994; Bernard, 1998; David & Macavei, 2005). Istilah yang digunakan oleh Cramer (1985), Cramer & Fong (1991) dan Cramer & Kupshik (1993) terhadap perkara ini sebagai ketidakfungsian emosi positif dan negatif yang merujuk kepada penggabungan diantara komponen emosi dan kognitif. Kestabilan emosi dapat dikekalkan dengan sentiasa mengelak daripada terbentuknya kepercayaan yang rosak (Bhar et al., 2012; Bhar, Brown, & Beck., 2008). Oleh itu, kaunselor perlu mengenalpasti dan memperbaiki kepercayaan kepada kepercayaan yang tepat dan rasional(Deardorff et al, 2003; Bhar et al., 2012).

Kebanyakan sistem kepercayaan tidak rasional akan menyebabkan berlakunya tekanan (Petroff, 2008). Asal bagi situasi tekanan adalah melalui faktor-faktor yang wujud dalam persekitaran. Faktor- faktor tekanan akan membentuk maklumat dalam minda. Minda akan menjadikan maklumat berkenaan faktor-faktor tekanan sebagai persepsi dan seterusnya membentuk pemikiran yang tidak rasional. Akhirnya pemikiran yang tidak rasional akan menjadi masalah tekanan yang akan mengganggu kehidupan individu tersebut (Lazarus dan Folkman, 1984; Ellis, 1994). Seperti rajah dibawah:



Rajah1.1: Adaptasi Proses Pembentukan Tekanan Ellis (1994)

Menurut Ellis (2002), pengurusan tekanan amat berkesan jika seseorang individu mampu mengawal kepercayaan tidak rasional dan menukarkan kepercayaan tersebut kepada lebih tepat dan rasional. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mahfar (2007), sistem kepercayaan yang tepat dan rasional merupakan strategi yang utama digunakan dalam mengawal tekanan. Perkara ini dikuatkan lagi oleh Brune et al., (2002) dalam kajian pengurusan tekanan menunjukkan mengawal sistem kepercayaan ialah suatu bentuk langkah mengatasi simptom tekanan .

Menurut Ellis dan Bernard (1985), peranan utama kaunselor semasa diagnosis klien adalah dengan mengenalpasti sistem pemikiran yang tidak rasional sehingga menyebabkan pemikiran, emosi dan tindakan yang negatif dan tidak stabil. Pernyataan ini juga disokong oleh Beck (1995). Kejayaan kaunselor diagnosis sistem kepercayaan ini akan membawa kepada keberkesanan proses kaunseling yang dijalankan (Blonna, 2000; Brosschot et al, 2005). Kaunselor yang dapat membetulkan sistem kepercayaan tidak rasional akan dapat menghapuskan pemikiran, emosi dan tindakan negatif seterusnya menukarkannya kepada sistem kepercayaan yang tepat dan rasional (Butler & Hope, 1996; Brosschot et al, 2006). Kebanyakan ahli psikologi dan kaunseling percaya bahawa komponen kognitif sememangnya asas kepada komponen emosi dan tingkah laku (Beck et al., 2001; Beck & Weishaar, 1989; DeRubeis, Tang, & Beck, 2001)

Permasalahan mengenalpasti sistem kepercayaan tidak rasional terjadi apabila kaunselor itu sendiri mempunyai sistem kepercayaan yang tidak tepat dan tidak rasional (Bernard, 1998). Kaunselor tersebut akan membawa sistem kepercayaan tersebut ke

dalam proses kaunseling dan membentuk persepsi sendiri terhadap permasalahan yang berlaku pada klien (Culley & Bond, 2005). Perkara seperti ini akan memburukkan lagi proses kaunseling tersebut dan menyebabkan berlakunya keadaan yang dipanggil urusan yang tidak selesai (*Unfinish Business*) kepada klien (Sharil dan Habib, 1999). Hal ini dapat diselesaikan dengan menyediakan kepada kaunselor suatu panduan dalam mengesan sistem kepercayaan tidak rasional (Blonna, 2000; Brosschot et al, 2005).

Kajian yang dilakukan oleh Bernard, (1998), DiGiuseppe, Leaf, Exner, & Robin, (1988) dan Linder et al., (1999) menunjukkan komponen kognitif boleh digunakan bagi mendiagnosis permasalahan yang wujud dalam diri individu. Permasalahan emosi dan tingkah laku juga boleh diramal dengan menggunakan pengukuran kognitif (Solomon et al., 2003). Peramalan terhadap permasalahan emosi dan tingkah laku berdasarkan pengukuran kognitif menunjukkan bahawa kestabilan emosi dan tingkah laku amat berkait rapat dengan pengawalan sistem kepercayaan khususnya dalam permasalahan tekanan (Beck et al., 2001; Bhar et al., 2012; Butler, Beck, & Cohen, 2007; Vanderhasselt & De Raedt, 2012). Menurut Bhar et al., (2012), pengukuran kognitif amat signifikan dalam mengenal pasti masalah kemurungan dan tekanan dan seterusnya komponen kognitif tersebut perlu dikenal pasti bagi membentuk intervensi yang bersesuaian dengan masalah yang wujud dalam diri individu.

Kebanyakan kaunselor di Malaysia mengukur tekanan melalui faktor-faktor tekanan dan simptom-simptom tekanan (Alzaeem et al, 2010). Melalui faktor-faktor tekanan dan simptom-simptom tekanan, klien akan ditentukan tahap tekanan yang dialami. Namun begitu, dengan hanya mengenalpasti faktor-faktor tekanan dan simptom-simptom tekanan, kaunselor tidak dapat mengesan punca sebenar tekanan yang berlaku dalam diri individu yang mempunyai masalah tekanan (Adam, 1999). Pengukuran terhadap faktor-faktor tekanan adalah hanya menunjukkan bahawa individu tekanan terdedah dengan faktortekanan. Pendedahan faktortekanan yang sama adalah memberikan kesan tekanan yang berbeza berdasarkan individu, sebahagian individu akan berasa tekanan jika keputusan akademiknya menurun namun ada sebahagian individu tidak berasa tekanan disebabkan oleh keputusan akademiknya menurun

(Brosschot et al, 2010). Hal ini bermakna pengesanan terhadap faktortekanan hanya pengesanan secara permukaan sahaja tidak mengesan punca utama secara mendalam iaitu sistem kepercayaan yang wujud dalam diri individu. Begitu juga dengan pengukuran terhadap simptom tekanan merupakan suatu pengukuran tahap tekananselepas tekanan telah berlaku. Pengukuran terhadap simptom tekanan hanyalah bertujuan untuk mengetahui kewujudan kesan tekanan dalam diri individu namun tidak dapat mengesan masalah sebenar bagi situasi tekanan yang berlaku dalam diri individu yang tertekan(Alzaeem et al, 2010). Oleh itu, kaedah yang terkini dan tepat dalam mengesan masalah sebenar tekanan adalah dengan mengesan sistem kepercayaan yang wujud dalam diri individu yang terhasil daripada nilai, pengalaman, pendidikan dan sosioekonomi status seseorang individu (Mohd Nur Al Sufi Bin Romele & Syed Mohammed Shafeq Syed Mansor, 2014). Pengesanan terhadap sistem kepercayaan akan mampu membantu kaunselor atau klien bagi merangka intervensi yang berkesan terhadap diri klien(Brosschot et al, 2010).

Pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional dilakukan semasa proses kaunseling dijalankan. Kaedah yang terbaik dan cepat dalam mengesan sistem kepercayaan tidak rasional dalam diri individu adalah melalui pengukuran instrumen(Mohd Nur Al Sufi Bin Romele & Syed Mohammed Shafeq Syed Mansor, 2014). Penggunaan instrumen dalam masalah tekanandi luar negara adalah amat pesat dan berkembang khususnya melibatkan komponen kognitif (Beck et al., 2001; Bhar, Beck, & Butler, 2012; Canel-Cinarbas, Cui, & Lauridsen, 2011; Willem Kuyken et al., 2001; Wenzel, Sharp, Brown, Greenberg, & Beck, 2006). Hal ini berbezadi Malaysia, penggunaan instrumen lebih berfokus kepada faktor tekanan dan simptom tekanan (Alzaeem et al, 2010). Penggunaan instrumen masalah tekanan adalah amat kurang dan hampir tiada (Mohd Nur Al Sufi Bin Romele & Syed Mohammed Shafeq Syed Mansor, 2014). Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini bagi menyelesaikan isu kekurangan instrumen masalah tekanan yang fokus kepada komponen kognitif.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah dan sorotan kajian yang telah dibentangkan, jelas menunjukkan bahawa komponen kognitif khususnya sistem kepercayaan merupakan suatu komponen yang amat penting dalam mempengaruhi tingkah laku dan emosi khususnya masalah tekanan. Sistem kepercayaan tidak rasional akan memberikan kesan yang negatif kepada tingkah laku dan emosi. (Eriksen, Murison, Pensaard, & Ursin, 2005; Ursin & Eriksen, 2004, 2010). Dalam proses kaunseling bagi kes tekanan akademik, kaunselor lazim menggunakan instrumen yang mengukur tahap tekanan, faktor tekanan, punca tekanan dan simptom tekanan. Praktis ini hanya mengukur dan mengesan tekanan secara umum dan permukaan sahaja tanpa mengesan sistem kepercayaan tidak rasional. Hal ini kerana sistem kepercayaan tidak rasional merupakan akar utama dalam mengenalpasti masalah tekanan (Beck et al., 2001; Bhar et al., 2012; Canel-Cinarbas et al., 2011; Alzaeem, Azhar, Sulaiman, & Gillani, 2010; Willem Kuyken et al., 2001; Wenzel et al., 2006).

Kaedah mengesan sistem kepercayaan merupakan kaedah diagnosis secara teliti dan mendalam terhadap punca sebenar masalah tekanan akademik yang dialami oleh mahasiswa. Kajian ini dilakukan dalam kalangan mahasiswa kerana masalah tekanan akademik adalah kebanyakannya berlaku dalam kalangan mahasiswa berbanding sekolah rendah dan sekolah menengah. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan tekanan dalam kalangan mahasiswa universiti semakin meningkat (Alzaeem et al, 2010; *Wan Zah Wan Ali et al, 2008*).

Sebahagian kaunselor di Malaysia mengukur tekanan melalui faktor-faktor tekanan dan simptom-simptom tekanan untuk mengenalpasti masalah tekanan mahasiswa. Dengan hanya mengenalpasti faktor-faktor tekanan dan simptom-simptom tekanan, kaunselor tidak dapat mengesan punca sebenar tekanan yang berlaku dalam diri individu yang mempunyai masalah tekanan. Punca sebenar tekanan dapat dikenalpasti dengan mengesan sistem kepercayaan yang wujud dalam diri individu yang

terhasil daripada kehidupan individu tersebut(Beck et al., 2001; Bhar et al., 2012; Canel-Cinarbas et al., 2011; Alzaem, Azhar, Sulaiman, & Gillani, 2010; Willem Kuyken et al., 2001; Wenzel et al., 2006).

Kaedah yang terbaik dan cepat dalam mengesan sistem kepercayaan tidak rasional dalam diri individu adalah melalui pengukuran instrumen. Penggunaan instrumen dalam masalah tekanan di luar negara adalah amat pesat dan berkembang khususnya melibatkan komponen kognitif. Hal ini berbeza di Malaysia, penggunaan instrumen lebih berfokus kepada faktor tekanan dan simptom tekanan(Beck et al., 2001; Bhar et al., 2012; Canel-Cinarbas et al., 2011). Kaedah mengesan sistem kepercayaan merupakan kaedah diagnosis secara teliti dan mendalam terhadap punca sebenar masalah tekanan akademik yang dialami oleh mahasiswa. Hal ini menunjukkan bahawa suatu bentuk instrumen pengesanan sistem kepercayaan perlu dibangunkan bagi memenuhi kehendak semasa yang menjadi tidak rasional satu kaedah yang efektif dalam menyelesaikan masalah tekanan akademik dalam kalangan mahasiswa di Universiti Awam.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk membina ujian psikologi yang dinamakan sebagai Inventori Pengesanan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional(*Wrong Belief System Detector*) bagi membantu kaunselor dalam mendignosis sistem kepercayaan tidak rasional dalam diri klien. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan objektif kajian kepada dua bahagian iaitu objektif kualitatif kajian dan objektif kuantitatif kajian bagi membezakan peringkat membentuk item dan mengesahkan instrumen yang telah dibangunkan.

- i. Menenalpasti konstruk-konstruk sistem kepercayaan tidak rasional (nilai, pengalaman, pendidikan dan sosioekonomi status) dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik berdasarkan temubual dan sorotan kajian.
- ii. Menenalpasti item-item yang mengukur sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik berdasarkan temubual dan sorotan kajian.
- iii. Mengesahkan kandungan item bagi instrumen sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik.
- iv. Mengesan kebolehpercayaan item bagi instrumen pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik.
- v. Menguji kesahan konstruk bagi instrumen pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan persoalan yang perlu dijawab pada akhir kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan persoalan kajian kepada dua bahagian iaitu persoalan kualitatif kajian dan persoalan kuantitatif kajian bagi memudahkan perbezaan di antara peringkat membentuk item dan pengesanan instrumen yang telah dibangunkan. Persoalan kualitatif kajian bagi kajian ini adalah:


- i. Apakah konstruk-konstruk sistem kepercayaan tidak rasional (nilai, pengalaman, pendidikan dan sosioekonomi status) dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik berdasarkan temubual dan sorotan kajian?
- ii. Apakah item-item yang mengukur sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik berdasarkan temubual dan sorotan kajian?
- iii. Apakah kesahan kandungan item bagi instrumen sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik?
- iv. Apakah kebolehppercayaan item bagi instrumen pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik?
- v. Apakah kesahan konstruk bagi instrumen pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional dalam kalangan mahasiswa universiti yang mengalami tekanan akademik?

1.6 Kerangka Konsep

Sistem kepercayaan merupakan suatu bentuk elemen kognitif yang boleh diukur secara operasional selepas didefinisikan secara jelas berdasarkan sorotan kajian yang didapati. Sistem kepercayaan merupakan beberapa set pemikiran yang bergabung dalam menilai sesuatu keadaan yang memberikan penilaian positif atau negatif berdasarkan nilai, pendidikan, pengalaman dan sosioekonomi status (Brockman, 2003). Sistem kepercayaan ini wujud dalam diri individu dengan memberikan nilai kepada semua keadaan dan akan mempengaruhi emosi dan tingkahlaku seseorang individu (Ausubel, Novak dan Hanesian, 1978). Sistem kepercayaan tidak rasional akan memberikan kesan yang negatif dalam kehidupan seseorang. Dalam kajian ini, pengkaji hanya

menfokuskan kepada permasalahan tekanan akademik dalam mengukur sistem kepercayaan dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Pengfokusan ini amat perlu kerana skop yang meliputi sistem kepercayaan amat luas kerana sistem kepercayaan ini melibatkan kehidupan seharian individu.

Asas konseptual bagi sistem kepercayaan ini adalah melalui dua teori yang amat terkenal iaitu Teori Kognitif Beck (1976) dan Teori Rasional Emotif Tingkahlaku Ellis (1994). Kedua-dua teori ini membahaskan sistem kepercayaan dengan menggunakan istilah yang berbeza iaitu Teori Kognitif Beck menggunakan istilah “teras kepercayaan bermasalah” manakala Teori Rasional Emotif Tingkahlaku Ellis menggunakan istilah “kepercayaan tidak rasional”. Namun definisi yang diberikan oleh kedua-dua teori ini adalah hampir sama iaitu suatu perkara yang melibatkan komponen kognitif yang mempengaruhi kehidupan individu. Bagi memudahkan kefahaman, pengkaji menggunakan istilah sistem kepercayaan dalam kajian ini. Sepertirajah 1.2 di bawah:



Rajah 1.2 : Model Sistem Kepercayaan

1.7 Kerangka Operasional Kajian Pembinaan & Pengesahan Instrumen

Mengenalpsti konstruk merupakan langkah pertama dalam proses menghasilkan instrumen yang sah dan tepat (Cresswell, 2012; Kline, 2005). Konstruk merupakan konsep yang dimaknakan secara spesifik dan dapat diukur (Kerlinger dan Lee, 2000). Kline (2005) memberikan maksud konstruk adalah suatu perkara yang boleh diukur secara jelas dalam bentuk definisi konseptual dan boleh diterjemahkan secara operasional melalui pembinaan item yang boleh mengukur konstruk tersebut.

Dalam membina instrumen, terdapat pelbagai model pembinaan instrumen yang telah diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti Model Pembinaan Instrumen Brown (1983), Model Pembinaan Instrumen Cohen & Swerdlik (2002), Model Pembinaan Instrumen DeVellis (2003) dan Model Pembinaan Ujian McIntire & Miller (2007). Berdasarkan model pembinaan instrumen yang telah wujud, pengkaji membentuk suatu bentuk kesimpulan yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Model-model pembinaan instrumen ini akan dibahaskan secara mendalam dalam bab dua nanti.

Langkah asas yang dijalankan oleh pengkaji dalam membina instrumen ini adalah mendapatkan maklumat berdasarkan sorotan kajian lepas dan membentuk kumpulan fokus untuk membentuk konstruk dan item bagi mengukur sistem kepercayaan dalam diri mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kemudian, pengkaji akan membentuk instrumen tersebut dengan mengesahkan kriteria, mendapatkan pengesahan kandungan dan melakukan kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan instrumen tersebut. Selepas itu, proses mengesahkan konstruk dan pembentukan manual bagi instrumen akan dijalankan sehingga terbentuknya sebuah instrumen yang tepat dalam mengesan sistem kepercayaan dalam kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Kesemua pakar pembinaan instrumen (Popham, 1990; Kaplan dan Saccuzzo, 2005; McIntire & Miller, 2007) berpendapat bahawa sesebuah instrumen perlu diuji kesahan dan kebolehpercayaan. Cronbach (1970) menyatakan konsep kebolehpercayaan amat berkait rapat dengan ralat pengukuran. Ralat pengukuran adalah perbezaan di antara pengukuran antara kebolehan sebenar calon dengan kebolehan pengukuran item. Kebolehpercayaan konstruk akan berkurang disebabkan ralat dan ketidaktepatan pengukuran dalam pengujian item terhadap konstruk tersebut (Airasian, 2000; Kaplan & Saccuzzo, 2005)


Hulse (2006) menyatakan darjah konsistensi pengukuran sesuatu instrumen dalam setiap konstruk merupakan kebolehpercayaan konstruk tersebut. Kerlinger dan Lee (2000) menyatakan bahawa ujian korelasi perlu dijalankan bagi mengukur darjah perkaitan antara nilai set skor individu terhadap item instrumen tersebut. Nilai darjah kebolehpercayaan tersebut adalah dalam julat 0.00 hingga 1.00. Nilai darjah kebolehpercayaan mendekati 1.00 menunjukkan korelasi yang tinggi terhadap konstruk tersebut manakala 0.00 menunjukkan korelasi rendah terhadap konstruk tersebut (Popham, 1990; Cohen & Swerdlik, 2002; Kubiszyn & Borich, 2007).

Kaedah-kaedah yang biasanya digunakan bagi mengukur darjah kebolehpercayaan konstruk adalah pengukuran ketekalan dalaman, pengukuran kestabilan dan pengukuran kesetaraan. Kajian ini menggunakan ujian pengukuran ketekalan dalaman Cronbach kerana analisis respon adalah berbentuk berkesinambungan (Oosterhoff, 1994). Pengukuran ketekalan dalaman adalah dilihat melalui kehomogenan item tersebut yang mana item tersebut mengukur dengan tepat bagi konstruk yang sama (Henson, 2001). Nilai korelasi mendekati 1.00 menunjukkan instrumen tersebut dibina berdasarkan item yang relevan dan tepat (Hulse, 2006). Walaupun begitu, Wiersma dan Jurs (1990) menyatakan bahawa pengukuran terhadap kebolehpercayaan belum lengkap bagi mengiktiraf sebagai instrumen yang baik sebelum kesahan bagi instrumen tersebut dibuktikan.

Kualiti sesuatu instrumen juga bergantung kepada suatu ciri pengukuran lagi iaitu kesahan (Gronlund dan Linn, 1990; Oosterholf, 1994). Kesahan adalah suatu proses pengumpulan maklumat bagi menyokong inferens melalui skor ujian (Cronbach, 1970). Item-item yang mengukur konstruk tersebut adalah mewakili konstruk atau domain yang sepatutnya diukur menunjukkan bahawa terdapat kesahan dalam instrumen tersebut (McIntire & Miller, 2000; Haladyna, 1994; Kline, 2005; Kerlinger & Lee, 2000; Lowenthal, 2001).

Kesahan kandungan amat penting dalam menunjukkan item-item yang dibina mengukur objektif instrumen yang ingin dikaji (Kaplan & Saccuzzo, 2005; Kubiszyn & Borich, 2007). Kesahan kandungan boleh diuji dengan pemeriksaan pakar terhadap item-item yang dibina dalam menentukan item-item tersebut mewakili konstruk yang sepatutnya diukur (Kerlinger & Lee, 2000; Hulse, 2006). Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) perlu disediakan sebelum kesahan kandungan dinilai oleh pakar bagi meningkatkan darjah kesahan kandungan (Oosterholf, 1994) kerana jadual ini dapat membantu pengkaji merancang aras kognitif dan jumlah soalan bagi setiap konstruk yang ingin diukur (Airasian, 2000; Tanner, 2001). Oleh itu, bagi pengesanan kandungan terhadap instrumen pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional ini, penyediaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan semakan pakar dijalankan.

Selepas kesahan kandungan dilakukan, kesahan konstruk perlu dijalankan bagi membina suatu instrumen yang baik. Konstruk merupakan ciri atau dimensi yang ingin diukur (Hulse, 2006). Kesahan konstruk dapat ditentukan dengan melihat korelasi yang tinggi antara skor keseluruhan dengan item ujian (Kerlinger & Lee, 2000). Dalam kajian ini, kesahan konstruk diuji dengan menggunakan Analisis Model Rasch dengan menggunakan perisian Winstep.



Rajah1.3: Kerangka Operasional Kajian Pembinaan dan Pengesahan Instrumen
Pengesahan Sistem Kepercayaan Tidak Rasional

1.8 Kepentingan Kajian

Umumnya, kepentingan utama kajian ini adalah lebih menyumbang kepada bidang pengetahuan (*body of knowledge*). Melalui kajian ini, suatu cabang ilmu pengetahuan telah terbuka dan boleh digunakan bagi menambah keilmuan tentang tekanan. Selain itu, kajian ini dapat memberikan manfaat kepada beberapa pihak seperti penyelidik psikologi, kaunselor, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta serta pelajar. Penerangan bagi setiap kepentingan kajian adalah seperti berikut:

1.8.1 Penyelidik Psikologi

Penyelidik atau pengkaji boleh menjadikan kajian ini sebagai tidak rasional satu rujukan dalam mengaplikasikan konsep tekanan yang terkini kerana kebanyakan pengkaji menggunakan konsep tekanan yang telah lama dan sebahagiannya mengabaikan komponen kognitif sebagai faktor penentu (Ellis,1996). Selain itu, pengkaji boleh menggunakan instrumen yang telah dibina dalam kajian ini untuk mengenalpasti permasalahan yang berlaku dalam kalangan mahasiswa yang disebabkan sistem kepercayaan, seterusnya pengkaji boleh merangka intervensi bagi membantu mahasiswa di Malaysia.

1.8.2 Kaunselor

Kajian ini boleh menjadi suatu tanda aras dan panduan kepada kaunselor atau ahli psikologi dalam proses kaunseling bagi mengatasi masalah tekanan. Kaunselor boleh mengaplikasikan instrumen soal selidik pengesanan sistem kepercayaan bagi mengenalpasti masalah kognitif yang dihadapi oleh klien dan kaunselor boleh menyediakan rawatan psikologi yang tepat terhadap diri klien.

1.8.3 Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Swasta

Pembinaan instrumen pengesanan sistem kepercayaan amat signifikan bagi membantu jabatan-jabatan kerajaan dan swasta dalam mengambil kakitangan yang tidak mempunyai sistem kepercayaan tidak rasional untuk memastikan tugas yang dilakukan dapat dioptimumkan secara berkesan dan sistematik. Majikan dapat menilai tugas yang dilakukan oleh kakitangan dengan mengesan sistem kepercayaan yang dapat membantu majikan melakukan intervensi yang efisien dan cepat.

1.8.4 Mahasiswa

Mahasiswa dapat mengenalpasti dan pengesanan sistem kepercayaan tidak rasional yang wujud dalam diri mahasiswa tersebut dan seterusnya membetulkan sistem

kepercayaan tersebut supaya dapat mengawal dan mengurus masalah tekanan akademik yang biasanya dialami oleh mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi.

1.9 Limitasi Kajian

